

# Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya

Dr. Nur Azuki bin Yusuff

## Abstrak

“Kesilapan besar dalam masyarakat ialah apabila takut bahawa semakin kuat fahaman dan amalan agama individu semakin berbahaya mereka kepada agama lain, kerana sebetulnya orang yang kuat agama akan membahagiakan semua dan menghormati agama orang lain.” Islam agama rasmi manakala agama lain (Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, kepercayaan Kongfusi, Tao dan animisme) bebas diamalkan tertakluk dalam perlembagaan. Isu berkaitan konflik agama memang wujud, namun ia masih terkawal. Kebanyakan punca konflik apabila menyentuh perbezaan dan sensitiviti. Pengurusan konflik perlu dijayakan oleh pihak berkuasa, ia bersifat kesan jangka pendek dan jangka panjang. Hubungan antara agama adalah satu keperluan demi perpaduan negara. Apa yang boleh dihubungkan ialah ‘fungsionalisme’ agama dan apa yang tidak boleh ialah ‘substantif’ agama. Kedudukan dan halatuju hubungan antara agama di Malaysia boleh urus dengan Gagasan 1Malaysia.

## 1.0 Pendahuluan

Penulis pernah bertanyakan soalan kepada beberapa rakan Malaysia; “Anda tahu tentang agama lain selain agama yang anda anuti?” dan jawapannya: “Yang saya tahu Hindu sembah patung, Kristian Tuhan ada anak, itu aje yang saya tahu. Saya tidak kisah...Yang penting jangan cabar umat Islam!”. Seorang lagi menjawab: “tahu, tapi aku selalu mengkritik sahabatku yang berlainan agama. Namun kini, jiwaku berubah untuk menerima apa sahaja imej agama; kristian, Hindu mahupun Islam. Aku mengikuti semua agama kerana di sana ada kecintaan. Padaku, semua agama adalah agama dan kepercayaanku”. Manakala seorang lagi menjawab: “Aku melihat sahaja orang beragama, aku..? tidak pasti. Entahlah, kadang aku tidak mengenali diriku. Untuk apa aku hidup di dunia ini. Yang pasti aku sukakan keseronokan. Selagi tidak melanggar undang-undang, aku akan pasti diri ini mengecapi keseronokan hidup”.<sup>1</sup> Seorang lain pula menjawab: “Paling aku tahu pasal Islam, banyak diwar-warkan dalam media, tapi aku tak kisah selagi tidak kacau agama anutan aku, orang Islampun tidak ramai yang sembahyang”.

Jawapan yang diberikan mereka tiada keselarasan. Pasti timbul satu keperluan untuk menyatukan kefahaman dan penerimaan agar wujud konsep penerimaan, hormat menghormati dan toleransi yang lebih bersepadu. Monolog dan dialog masyarakat Malaysia perlu dirungkai dan diperkemas dengan baik. Isu hak beragama dan hak asasi manusia mesti disatukan di bawah gagasan Negara.<sup>2</sup>

Justeru, penulis berasa bertanggungjawab membincangkan tentang beberapa perkara berkaitan kepentingan dan perkongsian Ilmu berkaitan:

1. Apa agama di Malaysia?
2. Kedudukannya dalam perlembagaan?

---

<sup>1</sup> Persoalan yang sama ada dibincangkan dalam Ibnu Arabi, Tarjuman al-ashwaq dan Jalal al-Din Rumi, Diwan Shams al-Tabrizi.

<sup>2</sup> Diskusi/Monolog Dan Dialog (Jab. Usuludin FPI UKM & Kump Penyelidikan Interaksi Agama PTS-2011-101)

3. Banyakkah isu berkaitan konflik agama?
4. Kenapa ia wujud? Nyatakan masalah yang pernah timbul?apakah kesannya?
5. Perlukah Berlaku hubungan antara agama?
6. Apa Yang Boleh Dihubungkan? Apa Yang Tidak Boleh? Dan;
7. Bagaimana kedudukan dan Halatuju Hubungan antara agama di Malaysia?

## 2.0 Agama dan kepercayaan di Malaysia (jawapan 1)

Pelbagai definisi agama dikemukakan oleh para intelektual, bahkan Wilfred C. Smith (1962) menyatakan betapa sukarnya mentakrifkan agama secara tepat. Agama dari segi bahasa yang bererti mengikat. Maksudnya, agama adalah ketentuan hidup manusia berdasarkan satu ikatan antara alam rohani dengan alam ghaib yang berkuasa terhadap dirinya dan dunia yang diketahuinya dan juga terhadap “siapa” yang ia rela memperhambakan diri (Smith 1963:351). Agama bolehlah ditakrifkan sebagai hubungan antara manusia dengan sesuatu kekuasaan luar biasa yang dianggap dapat memberikan perlindungan. Hubungan yang dianggap suci ini membawa kepada rasa tunduk manusia kepadanya dan manusia mencintainya, mempercayai dan meminta perlindungan daripadanya. Sarjana klasik dan ahli antropologi yang tersohor, E.B.Tylor (1903) mentakrifkan agama sebagai kepercayaan kepada makhluk halus. Sementara Durkheim (1915: 47) pula berpendapat, agama sebagai satu sistem kepercayaan dan amalan yang bersepadu berhubung dengan benda-benda suci. Dari perspektif antropologi, agama merupakan set peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan kuasa ghaib, khususnya dengan Tuhan. Agama juga merupakan suatu sistem keyakinan yang dianut dan amalan yang diwujudkan oleh suatu kelompok atau masyarakat dalam mentafsirkan dan memberi respons terhadap apa-apa yang dirasakan dan diyakini sebagai yang ghaib dan suci.<sup>3</sup>

Secara ringkasnya agama boleh dilihat dari dua sudut, iaitu substantif dan fungsional. Sudut yang pertama melihat agama dari segi bentuk dan amalannya. Manakala sudut fungsional ialah melihat agama dari sudut fungsi dan tujuan kewujudan agama tersebut.

Agama tersohor di Malaysia ialah Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Manakala Kepercayaan beragama ialah Taoisme, Konfusius dan animisme. Kepercayaan berbudaya pula ialah petua, pantang larang, nilai, norma, mores dan folkways. Secara ringkas adalah sebagaimana berikut:

**ISLAM** dari sudut terminologinya: Selamat, sejahtera, aman dan damai. Istilah: Kepercayaan kepada “Tiada Tuhan Melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad s.a.w adalah PesuruhNya” serta kepatuhan kepada syariat Allah samada suruhan @ larangan. Penganutnya terikat kepada konsep Iman, Islam dan Ihsan serta Rukun Iman dan Rukun Islam.<sup>4</sup>

**BUDDHA** terminologinya; ‘Yang bebas dari kejahilan’ (awaken one). Pengasasnya Siddharta Gautama Buddha. Ajaran; Empat Kebenaran Mulia mengenai alam: Penderitaan, Penyebab Kepada Penderitaan, Penamatan Nafsu dan Jalan Menuju Kebenaran iaitu Jalan Lapan Lapis. Perayaan umumnya ialah Hari Wesak.

<sup>3</sup> Boleh disamakan dengan *religion* (bahasa Inggeris) dan *religie* (bahasa Belanda) yang diambil dari, *religio* dan *religare* (bahasa Latin) Wilfred C. Smith (1962) dan (Smith 1963:351)., E.B.Tylor (1903) dan Durkheim (1915: 47).

<sup>4</sup> Perinciannya boleh dirujuk kepada mana-mana ulama muktabar.

**HINDU;** Agama ini turut dikenali sebagai Sanathana Dharma' (agama abadi). Ia dirujuk sebagai budaya Vedik (kitab Veda; Rig, Sama, Yajur dan Atharva), diamalkan sejak 3500SM. Terdapat tiga dewa utama agama Hindu iaitu: Brahma, Vishnu dan Siva. Konsep utama amalan penganut Hindu ialah: Dharma, Samsara, Karma, Mokhsa. Antara ajarannya berkenaan tugas dan tanggungjawab setiap insan, kelahiran semula, perbuatan yang baik dan kebebasan dari putaran kelahiran dan kematian. Perayaan umumnya ialah Thaipusam dan Ponggal.

**KRISTIAN;** Agama ini dibawa oleh Jesus Christ. Kitab sucinya ialah: Bible (old testament dan new testament). Empat prinsip utama dalam ajaran Kristian ialah; terdapat satu tuhan yang mencipta seluruh alam, berpegang kepada konsep trinity, ajaran Jesus hendaklah diikuti dan setiap orang akan diadili oleh Tuhan berasaskan tingkah lakunya di dunia. Perayaan umumnya ialah Hari Krismas.

### 3.0 Kedudukan Agama dalam Perlembagaan (jawapan 2)

Penanda jati diri rakyat Malaysia ialah agama. Justeru itulah menyebabkan Malaysia memperuntukkan prinsip Rukun Negara yang pertama "Kepercayaan kepada Tuhan". Isu agama perlu ditangani dengan bijak. Dalam Perlembagaan turut memperuntukkan Perkara 3 cerai (1) menegaskan bahawa Islam sebagai agama persekutuan. Agama-agama lain bebas diamalkan. Tidak boleh menyebarkan agama lain dalam kalangan orang Islam. Manakala ajaran Islam pula tidak menjadi paksaan kepada penganut agama lain.

Perkara tersebut selaras dengan prinsip tiada paksaan dalam agama Islam. Allah SWT berfirman:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ  
بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا

أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

(al-Baqarah 2 :256)

Bermaksud:

"Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Islam tidak memaksa dan tidak menerima orang bukan Islam masuk Islam kerana paksaan. Orang yang sudah Islam perlu patuh kepada ketetapan-ketetapan yang telah ditentukan. Setiap individu perlu memahami dan mengetahui (berilmu) dalam memilih/menganut agama.

Asas kepada hubungan dalam Islam boleh dipandu berdasarkan firman Allah s.w.t.:

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ

لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾


(Surah al-Hujurat 49: 13)

Maksudnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra, kenal mengenali antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi mendalam pengetahuannya (keadaan dan amalan kamu)”

#### 4.0 Isu-isu berkaitan konflik agama (jawapan 3)

Isu berkaitan konflik agama secara angkanya dapat dinyatakan disebabkan tiada data tepat. Namun penulis berpandangan, ianya banyak dalam bentuk fakta kes tetapi sedikit dalam konteks memberi impak besar dan merbahaya kepada keselamatan Negara. Perkembangan hubungan masyarakat Malaysia amnya dapat digambarkan melalui rentasan perkembangan sejarah di bawah:



Rajah diambil dari slaid pengajaran Hubungan etnik

#### 4.1 Kenapa konflik wujud? (jawapan 4)

Merujuk kepada nota pengajian Hubungan Etnik bahawa 5 sebab perbezaan utama kenapa manusia berperang: Agama, ideologi dan falsafah hidup dan warna kulit, bahasa dan perbezaan budaya.

Di Malaysia berlaku banyak provokasi negatif, seperti; Bom Jangka (Time Bomb), Arab spring, teori domino, 'api dalam sekam' dan lain-lain.

Antara faktor pencetus isu-isu konflik masyarakat ialah:

#### 1. Ekonomi:

Umumnya masyarakat Malaysia menghadapi masalah kewangan, pengurusan pendidikan, pembangunan kawasan industri dan projek perumahan. Justeru ramai antara mereka berpindah ke pekan serta bandar untuk mencari nafkah. Fenomena tersebut membawa satu lagi masalah apabila mereka menghadapi masalah kewangan untuk menampung keperluan kehidupan di Bandar. Kesannya berlaku keciciran dalam pendidikan anak-anak dan potensi melakukan aktiviti jenayah adalah tinggi.

#### 2. Sosial dan Politik

Isu sosial ketara ialah fenomena kawasan penempatan padat seperti kawasan setinggan, rumah-rumah flat, kondok rakyat, rumah murah dan penempatan haram. Kependudukan yang tidak terurus tersebut menjadi lebih buruk lagi apabila wujudnya ketidakseimbangan sosial antara kaum. Antara gejalanya sosiobudaya segelintir penganut yang mengamalkan sifat benci membenci dan was-was terhadap agama lain.

Konflik agama boleh tercetus sekiranya peningkatan gejala sosial seperti pergaulan bebas, tiada pemantauan dari keluarga, masalah dadah, mencuri, pecah rumah, pergaduhan dan lain-lain jenayah tidak dibanteras.

#### 3. Salah Faham Agama

Pendidikan dan persekitaran sosial tidak sihat menyumbang kepada didikan moral dan agama tidak berlaku secukupnya. Kebanyakan fakta kes yang berlaku melibatkan individu mahupun kumpulan yang memperalatkan sentimen agama dan bertindak di luar syariat hidup beragama.


4. Turut perlu diambilkira pencetus konflik beragama dalam era ini ialah: Bahaya Penyimpangan Dan Penyalahgunaan Teknologi Komunikasi. Di bawah ini adalah beberapa contoh yang boleh diambil iktibar.



Gambar 1) mayat-mayat mangsa korban gempa besar di Kyigudo wilayah Yulshul, Tibet pada 14 April 2010. Fakta liar dikatakan muslim Rohingya yang dibunuh sami Buddha. (<http://www.tibetancommunity.be/news/chinaquake.html>)

Gambar 2). Para demonstrasi Muslim yang ditangkap dan sedang disuruh bertiarap oleh tentera ketika terjadi kerusuhan di Pattani, Thailand pada Oktober 2004. Fakta liar ditulis bahawa ada pembunuhan terhadap Muslim Rohingya oleh sami Buddha. Lebih dari 1000 terbunuh.

(<http://www.telegraph.co.uk/news/worldnews/asia/thailand/1475199/80-Thai-Muslims-suffocate-after-arrest-at-protest.html>)



Gambar 3). Seorang aktivis Tibet (bernama Jamphel Yesh) melakukan aksi demonstrasi saat kedatangan Presiden China ke India. Aktivis tersebut adalah imigran yang mencari suaka ke India dan melakukan aksi bakar diri ketika mengetahui Presiden China (saat itu yang menjabat adalah Hu Jintao) akan datang berkunjung. Fakta liar ditulis bahawa seorang Muslim telah dibakar di Burma.

(<http://www.ibtimes.com/articles/320319/20120327/tibetan-activist-fire-protest-chinese-president-photos.htm>)

Gambar 4). memperlihatkan seorang pekerja melemparkan mayat korban gempa dari sebuah ruangan hospital di Port Au Prince, Haiti 15 Januari 2010. Mayat-mayat tersebut adalah korban gempa bumi di Haiti pada 12 Januari 2010. Foto tersebut dibuat oleh Olivier Laban-Mattei, France dari pejabat berita Perancis dan memenangi penghargaan foto terbaik World Press Photo. Namun, fakta liar ditulis bahwa lebih dari 20.000 Muslim telah disiksa dibunuh secara kejam oleh Sami Buddha di Rakhine, Burma. Dalam insiden tersebut 29 terkorban dan dibuang begitu saja.

([http://www.boston.com/bigpicture/2011/02/world\\_press\\_photo\\_winners.html](http://www.boston.com/bigpicture/2011/02/world_press_photo_winners.html))

#### 4.2 Nyatakan masalah yang pernah timbul? apakah kesannya?

Permasalahan / konflik di Malaysia (Jawapan 4)

Memang konflik agama dalam negara berlaku. Secara jelasnya samada ia peristiwa bersifat external dan yang bersifat internal. Berikut adalah beberapa peristiwa yang menjadi sejarah hitam dalam Negara:

Konflik yang berlaku secara External ialah:

1. Kes Natrah
2. Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur (196 kematian, 180 cedera dan lain-lain kemusnahan) Rakyat diperalat golongan politik.
3. 13 Mac 1998 di Kg. Rawa, Pulau Pinang



4. 4 Mac 2001 di Kg Medan, PJ, Selangor (6 kematian, 73 cedera dan lain-lain kemusnahan)
5. Perarakan kepala lembu dan khinzir.
6. Penghakiman beberapa kes murtad seperti kes Lina Joy, Juli Jalaludin, Hajjah Sitt alWuzara, siti Fatimah dan lain-lain.
7. Isu Kalimah ALLAH sekitar tahun 2013 dan 2014.
8. Penghinaan merentasi agama di dalam media sosial yang dilakukan oleh, contohnya Shahul, Kelvin Yip, Kiki dan lain lain.
9. Dakwaan kafir mengkafir antara individu dan kumpulan parti politik.

Manakala konflik yang berlaku secara Internal seperti:

1. Ajaran sesat (Ayah Pin, Hasan anak rimau, ashabul kahfi, Nabi Rasul dan lain-lain)
2. Politik Keparitian dan persaingan merebut kerusi.

Berdasarkan pengalaman negara dalam menangani dan mengenalpasti isu konflik agama dan kaum, terdapat 28 kawasan panas di sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah dan Johor yang sering terjadi pergaduhan. Kawasan paling kritikal ialah di Kuala Lumpur iaitu daerah Sentul, khususnya di Segambut, Sentul Pasar, Jinjang Utara dan Selatan. Antara statistik yang boleh disebut di sini ialah dari Januari hingga Disember 2006 terdapat 909 insiden melibatkan 306 orang di kawasan 'flash point'. Manakala sepanjang Oktober 2007, sebanyak 44 kes pergaduhan direkodkan antara Melayu – India. Kawasan sensitif (Flash Point) dinyatakan dinota kaki di bawah.<sup>5</sup>(slide Prof. Mansor, Institut Kajian Etnik Malaysia)

## 5. Perlukah Berlaku hubungan antara agama? (jawapan 5)

Persoalan perlukah berhubung, perlu dilihat kepada keperluan apa? Sekiranya demi kebaikan dan kerukunan hidup tetangga maka ia diperlukan, selagi tidak melanggar batas akidah dan kepercayaan dan sensitiviti agama.

Agama merupakan satu istitusi yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Perkongsian harmoni atau co-existence, nilai-nilai agama Islam dan nilai agama lain di Malaysia mempunyai banyak persamaan dari segi nilai-nilai sejagat yang diterima dan diamalkan. Kemajuan material dan fizikal perlu diseimbangkan dengan kemantapan serta kemajuan rohani.

---

<sup>5</sup> Selangor: Klang (Jalan Kapar, Taman Sentosa, Kg. Keretapi, Pelabuhan Klang, Kg. Jawa, Taman Sri Muda, Taman Bukit Tinggi Dan Taman Meru iii), Petaling Jaya (Kg. Sg. Kayu Ara, Puchong, Kg. Medan, Jalan Kelang Lama Dan Sekitar, Usj 8, Subang Jaya Dan Kawasan Perumahan Desa Menteri Fasa I), Gombak (Kg. Selayang Bahagia, Bandar Rawang, Perumahan Wangsa Permai Dan Batu Caves), S hah Alam (Seksyen 18, Seksyen 19, Kg. Baru Hicom Seksyen 26 Dan Ttdi Jaya) ,Sepang (Sungai Merab Dan Dengkil), Kuala Selangor (Batang Berjuntai), Banting (Sungai Jeram), Hulu Selangor (Kerling, Kuala Kubu Bharu); Dan Sabak Bernam (Kawasan Perumahan Storkington, Jalan Ladang).

Johor: Plentong, Tampoi(Kg.Semangat)

Kuala Lumpur Sentul (Rumah Panjang Jinjang Utara, Sentul Pasar, Flat Sri Kelantan, Flat Sri Terengganu Dan Bandar Baru Sentul), Dang Wangi (Flat Sam Peng) ,Brickfields (Flat Seri Pahang, Bangsar, Kg. Kerinchi Dan Kg. Pasir) ,Cheras (Perumahan Rakyat Sri Johor, Sri Kelantan, Sri Selangor, Pudu Ulu Dan Salak Selatan);

Pulau Pinang: Timur Laut (Sg. Pinang), Seberang Perai Utara (Taman Senanga), Seberang Perai Timur (Kg. Bagan Serai, Kg. Dok Bukit Tengah) ,Seberang Perai Selatan (Sg. Udang, Sg. Aceh & Tasek), Sg.Pinang (TI), Tmn. Senanga (Spu), Kg.Bagan Serai (Seperti), Kg. Dok Bkt. Tengah (Seperti), Sg.Udang (Sps), Sg.Acheh (Sps) & Tasek (Sps)

Kedah: Sg. Petani (Taman Keladi) ,Kulim (Taman Jati, Taman Kenari Dan Taman Senangi), Bandar Baharu (Taman Cempaka Dan Selama).

“Rakyat Malaysia perlu mengambilkira Rukun Negara yang memperuntukkan Kepercayaan kepada Tuhan. Kenapa? Kerana ia mengsejahterakan hidup. Agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia Islam, Kristian, Hindu, Sikh, Buddhisme, Taoisme, Konfusius dan tradisional/animisme/paganisme. Agama di Malaysia secara asasnya memenuhi keperluan pemerintahan, kesenian, kewujudan tamadun, sumber nilai moral, pendorong dan pengesahan program pembangunan, penyatuan, semangat kebangsaan dan perpaduan nasional”

(Shamsul Amri, 2007)

### **5.1 Memanfaat Kepelbagaian Agama dan kepercayaan di Malaysia**

Kepelbagaian agama dan kepercayaan di Malaysia perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar keunikan ini menjadi satu kelebihan Negara di mata dunia. Antara pendekatan yang perlu ialah melalui:

1. Dialog antara agama;
2. Mengharmonikan hubungan pelbagai komuniti agama;
3. Menangani ekstremisme agama.

Pendekatan tersebut sudah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan badan NGO. Apa yang penting ialah sokongan semua masyarakat untuk memanfaatkan dan menghayatinya.

### **6. Apa Yang Boleh Dan Yang Tidak Boleh Dihubungkan? (jawapan 6)**

Tidak semua perkara boleh berhubung dan perkara ini jelas, sebagaimana ditegaskan oleh ajaran Islam dalam al-Quran, surah al-Kafiruun bahawa agama Islam dan selainnya berdiri sendiri.

Namun, secara iktibarnya sudut Fungsional agama boleh berhubung. Contohnya keamanan dan keharmonian. Perpaduan akan kekal dan semakin utuh sekiranya semua masyarakat beragama yang menghayati dan mengamalkan ajaran agama masing-masing:

1. menghormati Perlembagaan Negara;
2. berkongsi kuasa politik dan ekonomi secara adil; dan
3. membina sistem pendidikan yang dipersetujui bersama.

Manakala sudut yang tidak boleh ialah Substantif agama (Aqidah, ritual....). Ini kerana ia tidak sama dan tidak akan sama.

Justeru, sudut fungsional baik boleh dihubungkan seperti sumber nilai moral, pengesahan program penyatuan, semangat kebangsaan, pemerintahan, kesenian kewujudan bersama tamadun dan perpaduan nasional. (Diambil dari slide pembentangan Hubungan Etnik Prof. Dr. Mansor Mohd Noor dan Prof. Ulung Dato Dr. Shamsul Amri)

### **6.1 Kontrak Sosial**

Fungsional agama dimanfaatkan oleh Perlembagaan Negara dalam bentuk kontrak social. Keluhuran terhadap semua perkara dalam perlembagaan, terutama berkaitan unsur tradisi; Islam Agama Rasmi, Hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera, Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan dan Kedaulatan raja-raja. Selain itu, wujud jaminan terhadap Hak asasi warganegara tanpa mengira etnik dalam perlembagaan. Antara dalam perkara:



- Per.11 dan 12 - kebebasan beragama  
 Per.8 -hak samarata di sisi undang-undang  
 Per.5 -kebebasan diri  
 Per.10 -kebebasan bercakap,berhimpun,berpersatuan  
 Per.13 -Pemilikan harta, untuk terlibat dalam apa jua kegiatan ekonomi dan pekerjaan selagi tidak melanggar undang-undang.

## 7.0 Kedudukan dan Halatuju Hubungan antara agama di Malaysia (Jawapan 7)

Sehingga kini, kedudukan hubungan antara agama di Malaysia terkawal dan harmoni jika dirujuk kepada Indek Ketegangan Masyarakat dan *Global Peace Index*.<sup>6</sup> Masing-masing kumpulan etnik utama di Malaysia memberi fokus yang saling tidak berkonflik antara satu sama lain.<sup>7</sup>

Perubahan Paradigma Masyarakat Malaysia turut menyumbang kepada kerukunan hidup bermasyarakat. Kini, masing-masing kepimpinan Negara dan para ilmuwan lebih mengfokuskan kepada usaha kesepaduan sosial.<sup>8</sup>

Perpaduan masyarakat bernegara dan beragama akan kekal dan semakin utuh sekiranya: menghormati Perlembagaan Negara, berkongsi kuasa politik dan ekonomi secara adil, membina sistem pendidikan yang dipersetujui bersama dan memanfaatkan kepelbagaian agama dan kepercayaan di Malaysia.

## 8. Strategi Perpaduan Berpaksikan fungsional semua Agama Kepada Penganutnya

Sebagai usaha bersama, penulis membawa beberapa cadangan yang baik untuk dilihat dan dinilai bersama demi perpaduan negara. Antaranya:

1. Strategi Perpaduan Berpaksikan Pendidikan Semua Agama Kepada Penganutnya Secara Bersepadu; Usul Pendialog Perpaduan di Kelantan.

Hasil analisa, strategi ini pada awalnya telah dibentang dalam International Conference and Exhibition On Islamic Education 2014 (ICIED 2014) pada 21 Mei 2014. Secara mudah, strategi perpaduan perlu sentiasa dinamik tanpa mengenyepikan usul teras iaitu ajaran beragama. Sila rujuk model di sebelah:

<sup>6</sup> Jadual diambil dari slide pembentangan Prof Dr. Mansor (2014)

	2008	2009	2010
Keganasan/Rusuhan	Tiada	Tiada	Tiada
Demonstrasi/Protes	398	456	482
Serangan/Pergaduhan	1522	1104	1046
Isu	493	234	371
<b>Jumlah</b>	<b>2413</b>	<b>1794</b>	<b>1899</b>
<b>IKM</b>	<b>27.9</b>	<b>21.6</b>	<b>22.5</b>
			<b>/sejuta penduduk</b>

<sup>7</sup>Melayu: agama, moden, bahasa-budaya, **Bumi Sarawak & Sabah:** suku, agama, moden, bahasa-budaya, **India:** agama, moden, bahasa-budaya, ideology, **Cina:** nilai, bahasa-budaya, moden dan ideology). *Ibid.*


<sup>8</sup> Perubahan paradigma: 1950-an (Etnik) - 1960-an (Budaya) - 1970-an (Kelas social) – 1980-an (Identiti) - 2000-an (Kerencaman social) - 2010-an (kesepaduan sosial). *Ibid.*

Model 1 : Model Penyatuan Ummah



Tindakan pembudayaan perpaduan secara kprehensif perlu melalui proses berlanjutan sentiasa dengan menjadikan didikan agama sebagai nilai teras.

Tindakan Pembudayaan Perpaduan Masyarakat



Sebelum itu, penulis pernah menetapkan lagi idea dalam pembentangan kursus di Universiti utara Malaysia (2007) bahawa usaha perpaduan perlu berdasarkan faktor yang menyumbang kepada masalahnya seperti kesan penjajahan dan sudut dalaman diri (hati, perasaan, akal dan emosi). Isu keagamaan bukanlah merupakan faktor besar yang merenggangkan secara langsung hubungan etnik. (Roy H. Haas, 1967) dan (Lu Hon Sun, 1989) Di Malaysia amnya, Che Hock Thye berkata perpaduan di kalangan orang Melayu melalui Islam merupakan setujuan bagi Melayu sendiri tetapi merupakan paksaan bagi masyarakat keseluruhan. Dalam erti kata ia memupuk jarak sosial di kalangan orang bukan Islam. Namun penjarakan ini dapat disatukan dengan penyatuan budaya dan penyatuan institusi (kemasyarakatan dan sebagainya). (Syed Husin Ali, 1977) Contoh persefahaman dan toleransi ini dapat dibuktikan sebagaimana penilaian yang dibuat oleh Prof. Khoo Kay Kim (April 1980), terhadap masyarakat berbilang kaum dan agama di Kelantan.

Sebelum itu juga, kajian realiti penerimaan masyarakat majmuk Kota Bharu terhadap institusi berorientasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad menunjukkan bahawa:<sup>9</sup>

1. Masyarakat berbilang agama masih kurang berurusan dengan kebanyakan institusi berorientasikan Islam.
2. Institusi Berorientasikan Islam diterima pengurusan dan aktiviti oleh masyarakat majmuk dan dianggap memenuhi kriteria institusi berorientasikan Islam.
3. Masyarakat majmuk bersetuju bahawa peningkatan penerimaan institusi perlu dilakukan dengan segera secara bersama.

<sup>9</sup> Kajian PhD penulis berkenaan Penerimaan Masyarakat Majmuk Terhadap Institusi Berorientasikan islam di Kota Bharu dengan Universiti Malaya 2006.

4. Walaupun tidak ramai masyarakat majmuk merelakan diri berjihad dan berjuang menegakkan institusi berorientasikan Islam, namun ramai yang bersetuju ianya diperjuangkan.

5. Masyarakat majmuk akur bahawa institusi tersebut mampu dibangunkan dan menjadi gemilang dan terbilang dalam jangka masa ke hadapan  
Secara amnya perbandingan antara institusi konvensional dan Islam; bahawa pusat institusi Islam adalah agama itu, sedangkan institusi konvensional bersifat pragmatik yang berpandukan logik akal.

Manakala perbandingan institusi konvensional dan Islam dengan yang berorientasikan Islam pula perlu dilihat kepada PENAMPILAN institusi dan HALATUJU kepimpinannya. Sekiranya ia tidak menepati bentuk institusi Islam lengkap maka ia dianggap berorientasikan Islam. Ia mempunyai tahap atau peringkat orientasi yang berbeza. Institusi yang tidak boleh dikategorikan berorientasikan Islam apabila ia hanya menggunakan jenama Islam saja, tetapi tidak mencerminkan bentuk sebenar Islam dari sudut PENAMPILAN (norma, etika dan kebudayaan) dan ketidak-ikhlasan (NIAT) kepimpinannya. Kepentingannya bersifat material dan sesetengahnya anti Islam. Pendirian ini didasarkan kepada perbandingan yang Allah s.w.t. tentukan antara Masjid Diror dan Masjid Taqwa.

Sebagai pembacaan lanjutan dan lebih mendalam, dicadangkan beberapa teori perdamaian dan perpaduan yang popular di Malaysia yang sentiasa diketengahkan oleh para ilmuan di Institut Kajian Etnik Malaysia khususnya Prof. Ulung Shamsul Amri dan Prof. Dr. Mansor Mohd Noor seperti berikut:

1. Teori masyarakat majmuk: Furnival, Kuper
2. Teori Kelas: Marx, Weber
3. Teori batas etnik: Barth, Banton, Brubaker
4. Teori identiti: Shamsul, Ericksen

Dan lain-lain yang bersifat peruntukan perlembagaan di Malaysia seperti usul akta perpaduan kaum, akta kawalan media sosial, pemerkasaan bidangkuasa mahkamah syariah.

Sebagai tindakannya, warga Malaysia perlu:

1. Memberi keutamaan kepada kepimpinan kuat berpegangan agama dan intelektual bagi melahirkan masyarakat bertakwa, amanah, waspada, yakin diri, adil dan bersumberkan hukum Tuhan.
2. Menghargai nilai tradisi dan agama bukan Islam serta mempertingkatkan amalan agama sebagai cara hidup.
3. Mewujudkan usaha memahami Islam dan menginterpretasikannya kepada masy umum di samping mengemukakan persamaan.
4. Menggilap potensi sumber daya umat, mengikis perasaan rendah diri dan sikap negatif.
5. Menggerakkan revolusi mental dan memperkukuhkan sahsiah: berilmu, bertakwa dan dinamis supaya masyarakat tidak diperalatkan.
6. *Common denominator* dan semangat kebangsaan Melayu mesti dibina sebagai peneraju pembangunan perpaduan.
7. Menghapuskan ethnosentrisme, prasangka, stereotaip dan diskriminasi dalam pada mengambilkira aspirasi terbaik.
8. Pembinaan unit masyarakat majmuk yang dinamik, aman, konsisten dan toleransi.
9. Pembentukan satu order sosio ekonomi dan sistem politik beridentitikan Malaysia bagi mengawal sensitiviti dan sentimen.
10. Membentuk teori keseimbangan Perdamaian Dinamis (ukhuwwah Islamiyah dan kehidupan beragama) berpandukan realiti Malaysia.
11. Pemilihan kepimpinan/tenaga kerja yang mempunyai nilai diobjektifkan.

12. Membentuk kerangka Penyelesaian masalah etika, tatasusila, moraliti, *mores* dan norma hidup berlandaskan nilai Agama / Islam.
13. Mengoptimalkan kekuatan sedia ada (bumiputera, Islam dan kestabilan masyarakat).

## Penutup

Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan harmoni. Sebagai rakyat Malaysia dengan pelbagai identiti agama, etnik dan budaya kita mesti berusaha untuk menangani perbezaan kita dengan rendah hati, kewajaran dan keadilan.

Masyarakat perlu menyokong kerajaan dalam tindakan menguatkuasakan Kedaulatan Undang-Undang dan menggalakkan secara aktif perpaduan negara dengan mengambil tindakan segera terhadap kenyataan pembakar dan tindakan yang provokatif dan boleh membawa kepada konflik dan ketegangan dengan kesan-kesan yang serius yang menjejaskan keamanan, keharmonian dan perpaduan negara.

## Rujukan

- Chew Hock Thye (1975), *Masalah Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durkheim, E. (1915), *The elementary forms of the religion life*. terj. Joseph Ward Swain, London: Allen & Unwin
- Ibnu Arabi, Tarjuman al-ashwaq (611H/1215M) (terj.) Reynold A. Nicholson, [1911] <http://sacred-texts.com/isl/taa/taa65.htm>
- Jalal al-Din Rumi, Diwan Shams al-Tabrizi. <http://umm-ul-qura.org/2015/11/26/the-divan-e-shams-tabrizi-and-mathnawi-of-jalaldin-rumi/>
- Khoo Kay Kim, Prof. (April 1980), *Integrasi Masyarakat Bukan Pribumi di Kelantan*. Pembentangan dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan.
- Lu Hon Sun (1989), "Chinese Politics In Malaysia; The MCA crisis of 1984/85". (Disertasi, Jabatan Pentadbiran Awam. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Am. UM)
- Mansor Mohd Noor (2014), slide pembentangan modul Hubungan Etnik. Institut kajian Etnik Malaysia, UKM.
- \_\_\_\_\_, Abdul Rahman Aziz dan Muhammad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd: Petaling Jaya.
- Nur Azuki (2006), "Penerimaan Masyarakat Majmuk Terhadap Institusi Berorientasikan Islam di Kota Bharu" kajian tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_, dkk. (2007) "Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisisan Masyarakat", Kursus induksi Modul Umum, Unit latihan Jabatan pendaftar, Universiti Utara Malaysia
- Roy H. Haas (Januari 1967), "The Malayan Chinese Association 1958-1959; An analysis of Differing Conceptions Of Malayan Chinese Role In Independent Malaya", (Master Of Arts. Department Of Political Science, Northern Illinois University).
- Shamsul Amri Baharudin (pnyt.) 2012, *Modul Hubungan Etnik*, edisi ke 2, Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- \_\_\_\_\_, (2012), *Hubungan etnik di Malaysia: Mencari dan mengekal kejernihan dalam kekeruhan*, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA): Universiti Kebangsaan Malaysia
- Smith, G.E. 1927. *In the beginning : the origin of civilization*. New York: Morrow

Smith, Wilfred, C. 1963. *Memburu makna agama*. Terjemahan Landung Simatupang. Bandung: Mizan.

Syed Husin Ali (1977), *Masyarakat dan Pimpinan Kampung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti

Taylor, E.B. 1871. *Primitive culture, research into the development of mythology, philosophy, religion, language, arts and customs*. London: John Murray

Yusri Mohamad Ramli (Ketua Projek), Indriaty Ismail & Jaffary Awang, "Meningkatkan Kefahaman dan Menggalakkan Dialog melalui Interaksi dengan Penganut Agama", Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kod Projek :PTS-2011-101  
<http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:dfh-VIFle6MJ:www.ukm.my/fpipts/online%2520proceedings%25202012/07%2520Yusri.pdf+%&cd=2&hl=en&ct=clnk>

<http://www.tibetancommunity.be/news/chinaquake.html>

<http://www.telegraph.co.uk/news/worldnews/asia/thailand/1475199/80-Thai-Muslims-suffocate-after-arrest-at-protest.html>

<http://www.ibtimes.com/articles/320319/20120327/tibetan-activist-fire-protest-chinese-president-photos.htm>

[http://www.boston.com/bigpicture/2011/02/world\\_press\\_photo\\_winners.html](http://www.boston.com/bigpicture/2011/02/world_press_photo_winners.html)